

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

OMACOR[®] 1000MG SOFT CAPSULES

Omega-3-Acid Ethyl Esters 90 (1000mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Omacor[®]
2. Bagaimana Omacor[®] berfungsi
3. Sebelum mengambil Omacor[®]
4. Cara menggunakan Omacor[®]
5. Semasa menggunakan Omacor[®]
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Omacor[®]

Omacor[®] digunakan untuk merawat beberapa jenis peningkatan paras trigliserida dalam saluran darah selepas pengubahsuaian diet makanan tidak berkesan.

Bagaimana Omacor[®] berfungsi

Omacor[®] mengandungi asid lemak omega-3 tak-tepu yang tulen. Ia berfungsi dengan mengurangkan paras kolesterol dan trigliserida.

Sebelum menggunakan Omacor[®]

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Omacor[®] jika:

- Anda mempunyai alahan asid lemak omega-3 Etil Ester atau mana-mana bahan lain ubat Omacor[®]

Jangan mengambil Omacor[®] sekiranya mana-mana di atas terjadi pada anda. Jika tidak pasti, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini.

- Sebelum mula menggunakan Omacor[®]

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda sebelum mengambil Omacor[®] jika anda mengalami mana-mana penyakit, terutamanya:

- Jika anda akan menjalani atau baru habis pembedahan
- Jika anda mempunyai masalah buah pinggang dan hati.
- Jika anda mengalami alahan terhadap ikan

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Ia adalah amat penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda baru mengambil atau mungkin mengambil apa-apa ubat-ubatan lain. Ini termasuk ubat yang didapati tanpa preskripsi termasuk ubat herba. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan berikut:

- aspirin (acetylsalicylic acid)
- warfarin, atau mana-mana ubat lain yang digunakan untuk mengelakkan pembekuan darah

Cara menggunakan Omacor[®]

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi. Pengambilan kapsul ini bersama makanan digalakkan agar ketidakselesaan gastrousus dielakkan.

Paras triglycerida yang tinggi di dalam darah

Bermula dengan 2 kapsul sehari. Jika tidak mencapai tindak balas yang memuaskan, dos boleh dinaikkan kepada 4 kapsul sehari.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa. Ambil dos yang seterusnya pada masa yang tetap pada hari yang seterusnya. Jika anda bimbang mengenai ini, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil Omacor[®] lebih daripada yang disarankan, berhenti Omacor[®] dan berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Semasa menggunakan Omacor[®]

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor anda.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini jika anda hamil, mungkin hamil atau sedang menyusui. Omacor[®] boleh digunakan untuk ibu mengandung atau menyusui jika diperlukan.

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

OMACOR[®] 1000MG SOFT CAPSULES

Omega-3-Acid Ethyl Esters 90 (1000mg)

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Omacor[®] mengandungi kesan-kesan soya lecithin. Jika anda telah diberitahu oleh doktor bahawa anda tidak bertoleransi terhadap soya, bincanglah dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, ubat ini boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan sampingan lazim (melibatkan lebih daripada 1 dalam 100 orang):
Sakit perut, sembelit, cirit-birit, senak, kembung perut, refluks asid, loya, muntah dan fibrilasi atrium

Kesan sampingan jarang (melibatkan kurang daripada 1 dalam 100 orang):
Peningkatan gula darah, gout, sakit kepala, tekanan darah rendah, ruam, hidung berdarah, dan najis berdarah.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Omacor[®]

- Penyimpanan

Jauhi daripada kanak-kanak. Jangan menggunakan ubat Omacor[®] selepas tarikh luput seperti tertera pada kotak dan botol selepas "EXP". Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Jangan simpan lebih daripada 30°C.
Jangan membeku.

- Pelupusan

Jangan buang sebarang ubat melalui sisa buangan air ataupun sisa buangan rumah. Tanyalah pada ahli farmasi bagaimana untuk membuang ubat yang tidak lagi diperlukan. Ini boleh membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk Omacor[®] merupakan kapsul gelatin lembut yang bujur diisi dengan minyak kuning pucat.

Omacor[®] boleh didapati dalam botol 28 dan 100.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Asid lemak omega-3 tak-tepu

- Bahan tidak aktif
Alpha-tocopherol, Gelatin, Glycerol, Purified water, Medium-chain triglycerides, Lecithin (soya)

- Nombor MAL:

Omacor[®] 1000mg Soft Capsules:
MAL12115077XC

Pengilang

Patheon Softgels B.V.
De Posthoornstraat 7,
5048 AS Tilburg
Netherlands

Pemegang Pendaftaran Produk

Abbott Laboratories (M) Sdn. Bhd.
27-02, Level 27, Imazium,
8 Jalan SS21/37,

Damansara Uptown
47400 Petaling Jaya, Selangor
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

- 01/12/2025

Nombor Siri